



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JULAI / 4 / 2024

M/S : 3



Anwar bersama Kor Ming (tiga dari kiri) ketika melawat replika Pavilion China pada majlis perasmian ACMROCH 2024 dan ARCHIDEX 2024 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

‘Pembangunan tak boleh kehilangan identiti, budaya’

PM mahu arkitek tempatan tonjol ciri kepelbagaian kaum dalam rekaan seni bina

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak boleh kehilangan identiti dan budaya dalam usaha pembangunan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, sebagai sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada kaum yang berbeza, akan menjadi sesuatu memalukan, jika tidak mengambil kira perkara itu.

“Arkitek kita dilatih di Barat. Saya gembira mengetahui mereka lebih sinonim dan komited untuk menunjukkan bahawa apa yang kami tunjukkan bukan sekadar hutan konkrit.

“Ta perlu mempunyai perwatakan, budaya dalam konteks Ma-

laysia, Orang Asli, Melayu, Cina, India dan sebahagian daripada komuniti kita.

“Jika anda melihat ke luar Sabah dan Sarawak, anda akan melihat gabungan budaya yang hebat.

“Memalukan jika kita tidak mengambil kira ciri ini,” katanya ketika merasmikan Sidang Meja Bulat Menteri ASEAN-China mengenai Pembinaan dan Perumahan (ACMROCH) 2024 di sini, semalam.

Bersempena ACMROCH 2024, Pameran Seni Bina, Reka Bentuk Dalaman dan Bangunan Antara-bangsa (ARCHIDEX) 2024 ke-23 juga diadakan sehingga Sabtu ini.

ARCHIDEX menawarkan pelbagai tema pameran yang disesuaikan dengan keperluan industri, termasuk teknologi audiovisual dan pencahayaan, Model Bangunan Bermaklumat (BIM) & Sistem Binaan Berindustri (IBS), bahan binaan serta landskap.

Komited laksana seruan PM

Sementara itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, berkata saranan Perdana Menteri berhubung identiti

dan budaya Malaysia dalam pembangunan akan disokong penuh oleh kementerian itu.

“Kami akan melaksanakan seruan ini dengan lebih komited. Malah, banyak bangunan di Malaysia menegakkan seni bina budaya Malaysia yang pelbagai.

“Justeru, kita akan bekerjasama dengan Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) bagi meningkatkan lagi komitmen pembinaan yang menonjolkan budaya Malaysia,” katanya.

Selain itu, Kor Ming berkata, kementerian itu komited untuk melaksanakan pembaharuan yang diperlukan untuk memastikan pertumbuhan masa depan adalah mampan dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.

“Kita boleh melakukan ini dengan menyepadukan amalan mampan sebagai sebahagian daripada cara kita menjalankan perniagaan.

“Ini akan meningkatkan kecekapan operasi, memenuhi keperluan kawal selia dan bertindak balas dengan cepat kepada permintaan yang semakin meningkat daripada rakyat kita,” katanya.